

11 MAR 1996

AGONG UCAP TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN MAURITIUS

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengucapkan tahniah kepada Presiden Mauritius Cassam Uteem sempena Hari Kebangsaan republik itu yang ke-28.

"Beta yakin di bawah keupayaan kepimpinan saudara, Republik Mauritius akan terus menikmati keamanan, keharmonian dan kemakmuran pada tahun-tahun akan datang," titah Seri Paduka dalam perutusannya yang dikeluarkan oleh Wisma Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Navin Ramgoolam berkata beliau berharap kedua-dua negara akan terus bekerjasama erat bagi mempertingkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan kepada Timbalan Perdana Menteri Paul Raymond Berenger berkata beliau berharap hubungan erat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan pada tahun-tahun akan datang.

Berenger juga Menteri Hal Ehwal Luar, Antarabangsa dan Kerjasama Serantau.

-- Bernama.

HAK CR AHH